



Bagaimana hendak
bermula dengan

Kit Alat Perdagangan Termaju



Bawa perdagangan anda ke tahap lebih baik

Kit Alat Perdagangan Termaju Tickmill menawarkan pelbagai jenis alatan yang akan membolehkan anda mempertingkatkan MT4 & MT5 anda dan membolehkan anda memahami secara lebih mendalam tentang pasaran sambil berinteraksi dengan rangkaian luas peminat perdagangan lain!

Dengan 13 ciri termaju dan 15 indikator, pelanggan Tickmill kini mempunyai akses kepada salah satu perkhidmatan analisis dan perkongsian yang paling komprehensif dalam industri Forex.

Bagaimana hendak **BERMULA**

1. Masuk ke [Ruang Pelanggan](#) untuk memuat turun Alat Perdagangan Termaju.


Get your MetaTrader 4

One of the most powerful trading platforms for Windows, OS X and mobile devices



Advanced Trading Toolkit

Access a suite of apps that provide the capability to optimise your trading.



2. Klik pada **Platform Perdagangan** dan muat turun dua folder yang ditemukan di bawah **Alat Perdagangan Termaju**:
 - a. Windows: Perisian kit alat boleh dipasang pada Windows anda.
 - b. Manual Pengguna: Satu senarai arahan untuk menggunakan alat yang berbeza turut disediakan.
3. Selepas memuat turun, buka MT4/MT5 anda.
4. Alat Perdagangan Termaju boleh didapati:
 - a. Indikator: Indikator yang ditambah berawalan 'Tickmill' sebelum nama indikator.
 - b. Penasihat Pakar: Indikator yang ditambah berawalan 'Tickmill' sebelum nama alat.

Kit Alat Perdagangan Termaju **CIRI-CIRI**

Urus pelaksanaan anda:

Terminal Perdagangan

Perdagangan jitu, penskalaan automatik, analisis kedudukan pesanan terbuka dan bertemplat.

Terminal Mini

Disesuaikan untuk MT4 & MT5, urus pelaksanaan anda dengan konteks dalam carta dagangan khusus.

Berwaspada:

Pengurus Awasan

Pembantu dagangan peribadi anda yang melengkapkan arahan automatik apabila peristiwa berlaku dan memberitahu anda dan/atau rakan media sosial anda tentang peristiwa pasaran.

Excel-RTD

Meletakkan akaun, tiket dan data harga masa nyata ke dalam excel menggunakan formula mudah. Tiada makros. Tiada pemprograman.

Berita dan Data Pasaran:

Berhubungan

Sesuaikan suapan berita dan kalendar ekonomi anda sendiri sambil mengakses pelbagai bahan pendidikan dan banyak lagi.

Pedagang Sentimen

Lihat bagaimana pasaran bereaksi dengan data berkedudukan beli dan jual pada masa nyata, sentimen sejarah dan papan pemuka untuk analisis sentimen berbilang instrumen.

Peta Sesi

Gambaran keseluruhan pasaran yang singkat dan pantas dengan pasaran utama dunia, peristiwa masa hadapan dan gambaran keseluruhan pergerakan harga untuk setiap sesi, juga memaparkan waktu tempatan semasa anda selaras dengan "sesi" semasa hari dagangan.

Perdagangan Lanjutan:

Pengurus Pasaran

Satu tetingkap kecil yang mudah menunjukkan senarai simbol dalam perhatian dan semua aktiviti pesanan akaun anda.

Matriks Korelasi

Maklumat pasaran yang bernilai pada skala masa berbeza untuk pengurusan risiko yang lebih baik. Kenal pasti korelasi rendah dan tinggi dengan mudah, kerana ia menunjukkan korelasi antara simbol pada rangka masa yang boleh dikonfigurasikan dan bilangan bar, contohnya 100 bar H1 terakhir.

Pedagang Korelasi

Bandingkan dua simbol dan kenal pasti perbezaan yang muncul dengan aktiviti harga terkini dan maklumat akaun, kerana ia menunjukkan korelasi antara simbol dalam jangka masa yang boleh dikonfigurasikan, cth., bar H1 terkini.

Pesanan

Pedagang Carta Titik:

Carta tradisional titik demi titik, carta garis masa, carta tick masa dan mempermudah pesanan pantas tanpa ganguan hanya dengan satu klik.

Pesanan Tersembunyi

Sembunyikan pesanan belum terlaksana anda daripada peserta pasaran yang lain dan memasuki pasaran apabila harga yang anda inginkan dicapai. Rugi-henti dan untung-ambil sembunyi juga turut disediakan.

Indikator PAKEJ

Indikator Penukar Bar

Mencipta carta luar talian dalam MT4/MT5 yang mengandungi carta versi diubahsuai pada indikator yang digunakan.

Indikator Donchian

Menunjukkan saluran Donchian, memaparkan tinggi dan rendah daripada bar N terdahulu.

Bar Pengira Masa

Memaparkan baki masa pada bar semasa dan memberi amaran kepada anda apabila masa hampir tamat.

Carta dalam Carta

Membenarkan perbandingan gelagat harga antara bar pada simbol carta utama dengan simbol subsidari.

Pengelompokan Carta

Carta berkait membolehkan penukaran simbol pada satu carta akan menyebabkan perubahan secara automatik pada carta lain yang terkait.

Indikator Lakaran Bebas

Membolehkan anda melakar pada carta, untuk menanda atau menyerlahkan peristiwa pada carta.

Indikator Graviti

Menunjukkan kemungkinan aras sokongan dan rintangan berdasarkan gelagat harga sebelumnya, berkod warna untuk menunjukkan kawasan aktiviti pasaran yang lebih kuat dan lemah.

Tinggi-Rendah

Satu cara yang mudah untuk melihat tinggi dan rendah pada carta, daripada mana-mana rangka masa dan berdasarkan sebarang bilangan bar.

Indikator Keltner

Memaparkan saluran Keltner, dengan saiz saluran berubah berdasarkan ATR.

Indikator Regresi Liner

Memaparkan regresi liner pada bar N terakhir, sebagai garisan paling sesuai melalui harga tutup bar-bar tersebut.

Indikator Carta Mini

Menonjolkan carta dalam sub-tetingkap boleh ubah saiz, membolehkan anda melihat gelagat harga pada instrumen dan/atau rangka masa lain tanpa menukar antara carta yang berbeza.

Indikator Sejarah Pesanan

Melakar dagangan sejarah anda pada carta, menunjukkan harga dan masa masuk dan keluar serta jalur yang menunjukkan masa anda berada di dalam dan di luar pasaran.

Penukar Tempoh Masa

Mencipta carta luar talian dalam MT4, membina rangka masa berbeza, seperti M3 atau H6.

Indikator Pivot

Menunjukkan pengiraan pivot klasik berdasarkan sejarah gelagat harga: harga pivot berpusat, dengan 3 aras pada kedua-dua belah sokongan dan rintangan.

Indikator Bar Renko

Melakar blok Renko pada carta berdasarkan masa MT4/MT5 yang biasa.

Indikator Maklumat Simbol

Mencipta gambaran keseluruhan status kerana ia menunjukkan perubahan harga, jarak dari tinggi dan rendah terkini, memberikan matriks isyarat naik dan turun pada jangka masa yang berbeza.

Jika anda belajar secara visual, anda boleh menerokai semua ciri **Alat Perdagangan Termaju** dengan bantuan video pendidikan kami yang boleh ditemukan di [sini](#).



Amaran Risiko: CFD adalah instrumen yang rumit serta berisiko tinggi untuk kehilangan wang dengan cepat berikut penggunaan leveraj. 71% dan 61% daripada akaun pelabur runcit masing-masing kehilangan wang apabila berdagang CFD dengan Tickmill UK Ltd dan Tickmill Europe Ltd. Anda harus mempertimbangkan sama ada anda memahami cara CFD atau produk lain kami berfungsi, dan sama ada anda mampu mengambil risiko yang tinggi untuk kehilangan wang anda.